



DONOR REPORT

# WINTER MISSION 2024

MISI BANTUAN MUSIM SEJUK

# KEADAAN SITUASI DI SYRIA



Pada tahun 2024 krisis kemanusiaan Syria terus berlarutan memasuki tahun ke-13 konflik. Menurut UN OCHA, lebih 16.7 juta rakyat Syria memerlukan bantuan kemanusiaan, dengan lebih 7 juta daripadanya adalah pelarian dalaman (IDP). Situasi ekonomi dan kestabilan politik yang tidak menentu menyukarkan penyaluran bantuan serta pemulihan jangka panjang.



## 8 Disember 2024: Kejatuhan Rejim Assad

Rejim Bashar al-Assad tumbang selepas lebih 5 dekad pemerintahan keluarga Assad, bermula dari Hafez al-Assad pada 1971 hingga Bashar al-Assad.

Kejatuhan ini berlaku dalam serangan mengejut yang bermula di Halab (Aleppo) pada 27 November 2024, diketuai oleh Hay'at Tahrir al-Sham (HTS) dan disokong oleh Tentera Nasional Syria yang mendapat bantuan Turkiye. Serangan tersebut adalah sebahagian daripada kemuncak Perang Saudara Syria yang berlarutan sejak 2011.

## Pembentukan Kerajaan Peralihan

Damsyik diambil alih oleh HTS dan pemimpinnya; Ahmed al-Sharaa mengumumkan pembentukan kerajaan sementara. Manakala Mohammed al-Bashir dilantik sebagai Perdana Menteri.

Kerajaan ini merancang tempoh peralihan selama 18 bulan untuk merangka perlembagaan baharu dan mengadakan pilihan raya bebas.

## Krisis Kemanusiaan Berterusan

Lebih 16.7 juta rakyat Syria memerlukan bantuan kemanusiaan, termasuk makanan, tempat tinggal, dan perkhidmatan kesihatan.

Kekurangan bahan api dan bekalan asas semakin memburukkan keadaan, terutamanya menjelang musim sejuk.

## Tindakan Cinta Syria Malaysia

Bantuan musim sejuk dan bahan keperluan asas digiatkan untuk diagihkan kepada rakyat Syria yang memerlukan.

Selain itu, usaha advokasi tentang isu di Syria diperbanyak di media sosial dan sebagainya untuk kesedaran masyarakat awam.

# PENGENALAN

# CINTA SYRIA MALAYSIA

Cinta Syria Malaysia (CSM) ialah sebuah pertubuhan kemanusiaan berdaftar yang ditubuhkan pada tahun 2014. Berfokus kepada bantuan kemanusiaan untuk pelarian Syria dan komuniti yang memerlukan di seluruh dunia. CSM menjalankan pelbagai program seperti pendidikan, kebajikan, dan bantuan kecemasan.

## VISI

- Cinta Syria Malaysia ingin menjadi penunjang dalam menangani isu kemanusiaan menjelang tahun 2027

## MISI


- Komited dalam menyediakan hak pendidikan anak-anak
- Menyokong dalam mana-mana objek lain yang berguna untuk komuniti Syria.
- Mengelakkan bantuan yang diberikan sepanjang tahun



## TENTANG WINTER MISSION

Musim sejuk menjadi ujian getir buat ribuan pelarian Syria yang hidup dalam serba kekurangan. Selain cuaca ekstrem, mereka turut berdepan kekurangan makanan, pakaian tebal, keperluan asas, serta akses kesihatan dan pendidikan.

Cinta Syria Malaysia melalui misi Winter Mission tampil membantu dengan menyalurkan keperluan asas seperti pakaian, makanan dan pemanas, demi membawa harapan kepada mereka yang terkesan.



# AGIHAN BANTUAN MUSIM SEJUK



**12,668**


Penerima manfaat keseluruhan untuk bantuan musim sejuk.



**RM344,128.55**

Dana diagihkan bantuan musim sejuk bagi tahun 2025.


Bantuan Pendidikan  
27.9%



## MAKANAN

Jumlah Agihan  
**RM65,789.55**

Penerima Manfaat  
**9,500**



## KIT MUSIM SEJUK

Jumlah Agihan  
**RM12,718.20**

Penerima Manfaat  
**1,020**



## PAKAIAN SEJUK

Jumlah Agihan  
**RM7,050.00**

Penerima Manfaat  
**70**



## BAHAN BAKAR

Jumlah Agihan  
**RM38,464.80**


Penerima Manfaat  
**1,420**



## ALAT PEMANAS

Jumlah Agihan  
**RM4,606.00**

Penerima Manfaat  
**100**



## PROJEK KELESTARIAN

Jumlah Agihan  
**RM123,076.20**

Penerima Manfaat  
**450**



## BANTUAN PENDIDIKAN

Jumlah Agihan  
**RM97,500.00**

Penerima Manfaat  
**108**



# AGIHAN MAKANAN

Musim sejuk kali ini menyaksikan krisis makanan di Syria semakin parah. Seramai 12.9 juta rakyat Syria menghadapi ketidakjaminan makanan, termasuk 3.1 juta dalam tahap kritikal. Cinta Syria Malaysia mengambil langkah untuk menyalurkan bantuan makanan untuk membantu kelangsungan hidup mereka.



## 1 Kotak Makanan

Jumlah Agihan : RM53,045.50  
Penerima Manfaat : 1,550

Barang-barang keperluan seperti gula, beras, marjerin, pes tomato, jem, kurma, kekacang, minyak zaitun dan spaghetti yang merupakan makanan harian mereka.

## 2 Pek Roti & Makanan

Jumlah Agihan : RM2,350.00  
Penerima Manfaat : 7,500

Agihan pek roti berserta Nasi Arab Mandy dan Yogurt. Setiap pek memberi manfaat kepada seluruh keluarga.



## 3 Ready to Eat

Jumlah Agihan : RM10,394.05  
Penerima Manfaat : 450

Barang-barang keperluan yang sedia untuk dimakan seperti humus, ikan dalam tin, kepingan ayam, kacang peas, apricot jam, tuna dalam tin dan serbuk teh.



# KIT MUSIM SEJUK

Musim sejuk di Syria amat mencabar, dengan suhu mencecah bawah sifar. Ramai keluarga tidak mempunyai keperluan asas seperti selimut, tilam dan pemanas. Cinta Syria Malaysia menyediakan kit musim sejuk merangkumi selimut tebal, tilam dan pakaian sejuk untuk membantu pelarian bertahan dalam cuaca ekstrem.



## 1 Selimut

Jumlah Agihan : RM6,359.10  
Penerima Manfaat : 510

Suhu musim sejuk di Syria boleh jatuh bawah sifar. Tanpa selimut tebal, terutamanya kanak-kanak dan warga emas—berisiko sakit atau mati kesejukan. Selimut penting untuk kekal hangat dan selamat.

## 2 Tilam

Jumlah Agihan : RM6,359.10  
Penerima Manfaat : 510

Ramai pelarian tidur di atas lantai sejuk atau tanah basah dalam khemah. Tilam membantu mengurangkan risiko kesejukan, sakit sendi, dan penyakit seperti radang paru-paru. Ia memberi sedikit keselesaan dan perlindungan asas semasa musim sejuk.





## PAKAIAN SEJUK



### 1 Pakaian Sejuk

Jumlah Agihan : RM7,050.00

Penerima Manfaat : 70

Pakaian sejuk seperti jaket, sarung tangan, stokin dan topi penting untuk melindungi tubuh daripada cuaca beku. Ramai pelarian, terutama kanak-kanak, hanya ada pakaian nipis yang tidak sesuai untuk musim sejuk.

## ALAT PEMANAS

### 1 Heater

Jumlah Agihan : RM4,606.00

Penerima Manfaat : 100

Alat pemanas sangat penting untuk mengekalkan suhu terutama pada waktu malam. Tanpa pemanas, suhu dalam khemah boleh turun hingga parس beku, meningkatkan risiko penyakit dan kematian akibat kesejukan. Ia juga membantu mengeringkan pakaian dan mengurangkan kelembapan dalam khemah.





CINTA SYRIA

# BAHAN BAKAR

Di Syria, ramai pelarian bergantung kepada bahan bakar seperti arang, kayu atau diesel untuk memasak dan memanaskan tempat tinggal. Namun, harga bahan bakar melonjak tinggi akibat konflik dan sekatan, menjadikannya tidak mampu milik bagi kebanyakan pelarian.



## 1 Minyak Diesel

Jumlah Agihan : RM4,606.00

Penerima Manfaat : 100

Di kem pelarian Syria, heater atau alat pemanas yang digunakan kebanyakannya bergantung kepada minyak diesel sebagai sumber tenaga utama. Namun, harga diesel yang tinggi menjadikannya sukar diperoleh. Setiap keluarga menerima 20 liter minyak diesel.

## 2 Arang (Birin)

Jumlah Agihan : RM4,606.00

Penerima Manfaat : 100

Arang birin digunakan secara meluas di kem pelarian Syria kerana ia lebih mudah didapati dan lebih selamat berbanding membakar sampah atau plastik. Ia menghasilkan haba yang tahan lama dan kurang berasap, menjadikannya sesuai untuk ruang tertutup seperti khemah. Setiap keluarga menerima 250kg arang birin.





# PROJEK KELESTARIAN

Projek solar panel di Kem Pelarian Al-Yasmine, Lubnan, bertujuan menyediakan tenaga bersih untuk pemanasan semasa musim sejuk. Keperluan utama termasuk panel solar, sistem penyimpanan tenaga (bateri), dan inverter untuk menukar tenaga kepada elektrik yang boleh digunakan.



1

## Solar untuk Suria

218 buah keluarga di Kem Al Yasmine dapat menjalani kehidupan sehari-hari lebih bermakna apabila penggunaan elektrik seperti kipas, alat pemanas dan lain-lain dapat digunakan dengan mudah tanpa catuan. Projek ini turut membantu untuk pemanasan semasa musim sejuk.

Keperluan utama termasuk panel solar, sistem penyimpanan tenaga (bateri), dan inverter untuk menukar tenaga kepada elektrik yang boleh digunakan.

Kos projek merangkumi pembelian panel solar, pemasangan sistem, serta bateri dan penyelenggaraan.

Dengan projek ini, diharapkan pelarian dapat menikmati pemanasan yang mencukupi, meningkatkan kualiti hidup mereka semasa musim sejuk, dan mengurangkan pergantungan kepada tenaga yang tidak stabil.



# BANTUAN PENDIDIKAN

Di Cinta Syria Malaysia (CSM), antara fokus utama kami adalah pendidikan, kerana kami percaya bahawa pendidikan adalah kunci untuk masa depan yang lebih baik. Oleh itu, dalam setiap kempen besar yang kami jalankan, termasuk misi musim sejuk, elemen pendidikan tetap diutamakan. Selain bantuan kemanusiaan, kami juga membantu pendidikan kepada pelarian, untuk masa hadapan mereka yang lebih baik.



## 1 Sekolah KITA I

Jumlah Agihan : RM6,000.00  
Penerima Manfaat : 30

Bagi Sekolah KITA I, terdapat 20 orang pelajar yang mengikuti pendidikan tidak formal bagi kelas pemulihhan. Silibus adalah mengikuti sistem pendidikan Jordan.

## 2 Sekolah KITA III

Jumlah Agihan : RM90,000.00  
Penerima Manfaat : 78

Sekolah KITA III didaftarkan atas nama Pusat Bimbingan Alternatif Cinta Syria Malaysia. Mempunyai lebih daripada 70 pelajar menggunakan silibus IGCSE.



## 3 Bantuan Umum Sekolah

Jumlah Agihan : RM1,500.00  
Penerima Manfaat : 70

Agihan ini adalah bagi menyokong aktiviti pelajar di Sekolah KITA III selain daripada aspek kurikulum.

# TERIMA KASIH

## 'YOUR HELP, THEIR FUTURE'

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan misi ini. Setiap sumbangan, sama ada kecil maupun besar, telah memberi impak yang besar kepada komuniti pelarian yang memerlukan. Kami amat menghargai kepercayaan dan sokongan berterusan anda dalam usaha kemanusiaan ini.

01

Sokongan para penyumbang membolehkan bantuan musim sejuk disampaikan tepat pada masanya, termasuk keperluan asas dan sokongan pendidikan.

02

Sebanyak 84% penerima manfaat melaporkan perubahan positif, membuktikan impak ketara terhadap kesejahteraan mereka melalui maklumbalas yang diterma.

03

Secara keseluruhannya, kempen ini menunjukkan keupayaan pelaksanaan yang kukuh dan menjadi asas penting untuk pelaksanaan yang lebih berimpak dalam misi akan datang.



CINTA SYRIA MALAYSIA  
Your Help, Their Future

03 8211 1012 / 011 3313 7539  
pr@cintasyriamalaysia.com  
www.cintasyriamalaysia.com

Disediakan oleh,  
**Bahagian Perhubungan Penyumbang**  
**Persatuan Cinta Syria Malaysia**





*"Your Help, Their Future"*

**PERSATUAN CINTA SYRIA MALAYSIA**  
(PPM-014-10-11082014)

8-19-2, Jln Medan Pusat Bandar 7A, Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

